



Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) adalah sebuah yayasan yang ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan pada 13 Oktober 1976 dan diperbadankan di bawah *Trustees (Incorporation) Act 1952*. Bagi menggerakkan potensi dan meluaskan peranannya, YaPEIM telah disusun dan dilancarkan semula pada 20 Julai 1984 oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia pada masa itu.

Tiga teras utama YaPEIM adalah Bisnes, Sosial Bisnes dan Pembangunan Sosioekonomi & Amal Jariah.

Khusus untuk Program Pembangunan Sosioekonomi & Amal Jariah, satu inisiatif baharu telah diambil iaitu menubuhkan Dana Inspirasi Malaysia (Inspirasiku) bagi memberi manfaat kepada hampir 40,000 pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) & Sekolah di seluruh negara dengan melibatkan penyertaan rakan strategik seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), syarikat-syarikat korporat dan pihak-pihak yang dikenalpasti di negara ini.

YaPEIM telah mensasarkan jumlah terkumpul kutipan Dana Inspirasi Malaysia (Inspirasiku) sebanyak RM40 juta dengan peruntukan dana awal daripada YaPEIM sebanyak RM1 juta. Sumbangan masyarakat atau syarikat-syarikat kepada Dana ini amat dialu-alukan dan dihargai. Sumbangan atau tajaan bagi Dana Inspirasi Malaysia (Inspirasiku) akan dimasukkan ke dalam TABUNG KEBAJIKAN DAN PELAJARAN YaPEIM dan layak mendapat Pelepasan Cukai Pendapatan di bawah Seksyen 44 (6) Akta Cukai Pendapatan 1967.

Inisiatif ini selaras dengan gagasan RAHMAH di bawah Kerajaan Persekutuan iaitu menekankan kepada aspek menyantuni masyarakat dan memberi kesejahteraan hidup selaras dengan *Sustainable Development Goals (SDG)* yang disasarkan di bawah United Nations dalam memperkasakan masyarakat Malaysia melalui pendidikan yang saksama dan mampan.

### Syarat Am:

1. Permohonan mesti atas nama ibu/bapa/penjaga
2. Pemohon mestilah Warganegara Malaysia
3. Mendapat surat tawaran pengajian dari sekolah/IPT di dalam dan luar negara.
4. Pendapatan isi rumah tidak melebihi Pendapatan Garis Kemiskinan Negara bagi Kategori B40.

### Peringkat Pengajian



- ▶ Sekolah Rendah
- ▶ Sekolah Menengah
- ▶ Sijil
- ▶ Diploma
- ▶ Ijazah

### Kadar Bantuan



Pelajar Sekolah  
- sehingga **RM500**

Pelajar Institusi Pengajian Tinggi  
- sehingga **RM1,000**

Nota: Tertakluk kepada terma & syarat



LAMAN WEB  
[www.yapeim.net.my](http://www.yapeim.net.my)



INSTAGRAM  
Yapeim official



FACEBOOK  
YaPEIM\_Official



TWITTER  
@YaPEIM\_Official



YOUTUBE  
yapeim



MEMACU KEJAYAAN BERSAMA